


agro



DAUN, bunga dan buah pokok *Aquilaria rostrata*.



# Gaharu terancam belum pupus

Kumpulan penyelidik UPM berjaya menemukan spesies *A. rostrata* kali terakhir dilihat 100 tahun dahulu

Oleh AZMAN ZAKARIA

**S**PESIES pokok gaharu hutan *Aquilaria rostrata* (*A. rostrata*), yang selama ini dianggap pupus selepas kali terakhir dilihat 100 tahun lalu, berjaya ditemukan semula oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pokok daripada genus *Aquilaria* dikenali sebagai pokok karas kebiasaannya dikaitkan dengan gaharu yang bernilai tinggi.

Spesies itu yang juga dipanggil Karas Gunung atau Chandan Gunung ditemukan di kawasan hutan Gunung Tebu, Besut di Terengganu, kira-kira 100 kilometer dari kawasan ia pertama kali ditemui dahulu iaitu di Gunung Tahan, Pahang.

Kumpulan penyelidik UPM yang diketuai Pensyarah, Jabatan Pengurusan Hutan, Fakulti Perhutanan, Prof. Madya Dr. Rozi Mohamed menemukan populasi pokok itu semasa melakukan kajian di lapangan dengan bantuan anggota renjer dari Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu pada pertengahan tahun lalu. "Pada awalnya kami menyangkakan ia spesies baharu tetapi setelah membuat perbandingan dengan spesimen berusia 100 tahun di *Herbarium Botanic Gardens*, Singapura kami mendapati ia adalah *A. rostrata*," katanya.

Penemuan terbaru itu memulakan

anggapan dan kebimbangan berkenaan spesies itu sudah pupus.

Selepas lebih 100 tahun daripada penemuan pertamanya, ia dimasukkan dalam senarai Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa Bagi Konservasi Alam Semula jadi (IUCN) dan dianggap sudah pupus.

Dr. Rozi berkata, spesies itu ditemukan di kawasan pokok-pokok balak yang sudah ditebang, di kawasan yang berketinggian kira-kira 700 meter (m) dari aras laut.

Katanya, dianggarkan 50 pokok telah ditemukan dalam populasi tersebut, yang berketinggian antara 2m hingga 5m dan berukuran lilit antara 3 dan 4 sentimeter (sm). Ketika ditemukan, pokok itu sedang berbunga dan berbuah.

Menurutnya, spesies itu pertama kali ditemukan pada 1911 di Kem Wray's, Gunung Tahan oleh H.N. Ridley dan dilaporkan pada 1924, namun laporan berkenaan tidak

menyatakan saiz pokok tersebut. "Spesies ini adalah endemik, ia tidak terdapat di tempat lain, hanya di Semenanjung Malaysia sahaja dan terancam kepupusan," kata Dr. Rozi.

Bagaimanapun, beliau berkata, aktiviti pembalakan secara lestari telah membuka laluan dan merintis jalan untuk kumpulan penyelidik UPM boleh sampai ke kawasan habitat spesies tersebut.

"Kami berjaya menemukan semula populasi *A. rostrata*. Penemuan terbaharu ini memberi sinar dan harapan bahawa



DAUN dan buah spesies pokok gaharu *Aquilaria rostrata* yang dikeringkan.



DR. ROZI MOHAMED menunjukkan pelbagai spesies kayu pokok gaharu di Makmal Bioteknologi Hutan, Fakulti Perhutanan UPM.

## Info

- Spesies *Aquilaria rostrata* antara lima *Aquilaria* di negara ini selain *A. malaccensis*, *A. microcarpa*, *A. hirta*, *A. beccariana* dan *A. crassa*.
- Oleh kerana permintaan dan harga tinggi, ia dipercayai akan menyebabkan penghapusan sumber semula jadi bagi genus *Aquilaria*.
- Kebanyakan spesies *Aquilaria* telah diklasifikasikan sebagai terancam di Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Bagi Flora dan Fauna Liar (CITES), 2004-Appendiks II.
- Penyelidikan gaharu di negara ini bermula sejak 1990-an melibatkan bahan tanaman, penanaman, pertumbuhan, suntikan artifisial, sosioekonomi.

ANGGOTA kumpulan penyelidik menemukan pokok *Aquilaria rostrata*.